



## KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera  
25 April 2018**

### **Minggu Saham Amanah Malaysia 2018 Mencatatkan 200,168 Pengunjung**

**BATU PAHAT, 25 April 2018** – Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2018 yang telah berlangsung selama seminggu mencatatkan peserta lebih dari jangkaannya. Pameran yang mengetengahkan pameran dan pelbagai program untuk mendidik segenap lapisan masyarakat tentang ilmu pelaburan dan perancangan kewangan telah berjalan dengan jayanya dan telah mencatatkan 200,168 peserta sepanjang tempoh tujuh hari tersebut.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, “Bilangan pengunjung bagi MSAM 2018 amat memberangsangkan dan ia telah melebihi sasaran kita iaitu seramai 150,000 pengunjung. Malah, ia juga telah mengatasi jumlah pengunjung 156,000 yang telah dicatatkan semasa MSAM 2009 di Johor Bahru walaupun tempoh penganjuran di Batu Pahat lebih singkat iaitu tujuh hari berbanding 10 hari semasa dianjurkan di Johor Bahru.”

Kumpulan PNB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga Batu Pahat dan Johor, Kerajaan negeri Johor, Majlis Daerah Batu Pahat dan Majlis Perbandaran Batu Pahat, Rakan-rakan Korporat MSAM 2018, para pemamer, serta semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan MSAM 2018.

MSAM 2018 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 19 April 2018 manakala Majlis Penutup MSAM 2018 telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi siang tadi. Turut hadir, YAB Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Dato' Haji Azmi Rohani, Tan Sri Abdul Wahid dan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Abdul Rahman Ahmad.

*- Tamat -*

#### **Mengenai PNB**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan asset di bawah pengurusan (AUM) kini mencapai lebih RM280 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Mengenai ASNB**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB kini mempunyai sejumlah 12 Dana dengan Unit dalam Edaran berjumlah lebih 228.8 bilion serta 13.4 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**